

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. PENGENALAN

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan dilaksanakan mengikut Fasal (2) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan serta perenggan 5(1)(b) dan (c) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] yang menghendaki Ketua Audit Negara memeriksa, menyiasat dan mengaudit kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di Wilayah Persekutuan, akaun pihak berkuasa awam atau badan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun, subseksyen 5(2) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] menghendaki Ketua Audit Negara hendaklah serta merta menyebabkan penyata akaun itu diaudit.

1.2. Pengauditan pada tahun 2024 ini meliputi pengesahan terhadap 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2023 yang terdiri daripada 132 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, 10 Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persekutuan dan tiga Penyata Kewangan Agensi Persekutuan lain termasuk satu Agensi baharu, iaitu Yayasan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (Yayasan MySDG). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
PENYATA KEWANGAN YANG DIAUDIT OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN
1.	Badan Berkanun Persekutuan	132
2.	Kumpulan Wang Persekutuan	10
3.	Agensi Persekutuan Lain	3
JUMLAH		145

Sumber: Jabatan Audit Negara

2. OBJEKTIF

Objektif pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkenaan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan tahun 2023 yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024. Pengauditan ini telah dilaksanakan berdasarkan piawaian pengauditan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan.

4. PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023

4.1. Subseksyen 5(1) Akta 240 menyatakan setiap badan berkanun hendaklah mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan atau apa-apa tempoh lanjutannya, sebagaimana yang diberi di bawah Seksyen 9 Akta 240.

4.2. Subseksyen 9(1) Akta 240 menyatakan jika badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata akaunnya untuk diaudit dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, maka badan berkanun itu hendaklah, sebelum tamatnya had masa itu, memohon secara bertulis kepada Menteri untuk pelanjutannya dan hendaklah juga menyatakan sebab-sebab memohon pelanjutan itu.

4.3. Subseksyen 9(2) Akta 240 menetapkan jika badan berkanun memohon pelanjutan had masa enam bulan itu, Menteri boleh, jika ia berpuas hati dengan sebab-sebab membuat permohonan itu, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa pelanjutan had masa sebagaimana yang difikirkannya perlu tetapi pelanjutan itu tidak boleh melebihi tiga bulan secara agregatnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

4.4. Setakat 31 Disember 2024, sebanyak 142 daripada 145 Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2023 kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit dan disahkan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1.2**.

JADUAL 1.2
STATUS PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI PERSEKUTUAN SETAKAT 31 DISEMBER 2024

BIL.	TEMPOH PENYERAHAN	BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN
1.	Dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan	131
2.	Dalam tempoh pelanjutan tidak melebihi 3 bulan secara agregat	9
3.	Tiada kelulusan pelanjutan	2
JUMLAH		142

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5. Dua Agensi Persekutuan telah mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh enam bulan selepas berakhir tahun kewangannya tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, seperti dalam **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
AGENSI PERSEKUTUAN YANG MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN MELEBIHI TEMPOH 6 BULAN SELEPAS BERAKHIR
TAHUN KEWANGAN TANPA KELULUSAN MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH KEMUKA	PENJELASAN
1.	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	12.07.2024	Terdapat pertukaran penandatanganan Penyata Pengerusi dan Anggota Majlis bagi Penyata Kewangan tahun 2023 yang memerlukan penurunan kuasa.
2.	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)	21.10.2024	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.6. Selain itu, tiga Agensi Persekutuan masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2023. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.4**.

JADUAL 1.4
AGENSI PERSEKUTUAN YANG BELUM MENGEMUKAKAN
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023 SETAKAT 31 DISEMBER 2024

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	PENJELASAN
1.	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LABUAN FSA)	Gangguan rangkaian sistem disebabkan oleh insiden keselamatan siber yang menyebabkan rekod perakaunan bagi tahun 2022 dan 2023 terjejas. Rekod perakaunan bagi tahun 2022 telah berjaya disediakan semula dan telah selesai diaudit oleh JAN dengan sijil LFSA bertarikh 9 Disember 2024 dan TLFSAs pada 20 September 2024. Manakala bagi rekod perakaunan LFSA bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 masih dalam proses penyediaan semula. Tarikh penyerahan penyata kewangan tahun 2023 dijangka selewat-lewatnya pada 30 April 2025.
2.	Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (TLFSA)	
3.	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	KESEDAR telah melantik perunding perakaunan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan tahun 2022 dan 2023. Proses penambahbaikan perakaunan sedang dilaksanakan. Tarikh penyerahan penyata kewangan tahun 2023 dijangka dalam suku pertama tahun 2025.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

5.1. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya, untuk menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam. Sehubungan itu, JANM melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 telah menetapkan supaya Agensi Persekutuan mengguna pakai piawaian perakaunan sektor awam Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS). Bagi penyediaan penyata kewangan tahun 2023, sebanyak 122 daripada 145 Agensi Persekutuan telah menerima pakai MPSAS.

5.2. Sebanyak 18 Agensi Persekutuan menggunakan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) kerana tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

5.3. Lima Agensi Persekutuan masih mengguna pakai Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) setelah mendapat pengecualian daripada JANM dan Kementerian Kewangan. Pengecualian diberikan kepada lima Agensi Persekutuan ini kerana bersaiz kecil dan tidak memenuhi kriteria sebagai Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprise). Ringkasan dan senarai pemakaian piawaian perakaunan adalah seperti dalam **Jadual 1.5** dan **Lampiran 1**.

JADUAL 1.5
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN DALAM
PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2023

PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI PERSEKUTUAN
Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	122
Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)	18
Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)	5
JUMLAH	145

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun 2023

6. PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Ketua Audit Negara hendaklah mengemukakan laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan-laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Subseksyen 9(5) Akta 62, Ketua Audit Negara boleh, dalam apa-apa laporan yang dikemukakan mengikut Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan atau selainnya, membuat syor dan boleh secara umum memberikan ulasan tentang semua perkara yang berhubungan dengan akaun, wang dan simpanan awam.

6.2. Sehubungan itu, syor, ulasan, perakuan dan pandangan Ketua Audit Negara dizahirkan melalui Sijil Ketua Audit Negara. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara kepada 142 Agensi Persekutuan yang terdiri daripada 129 Badan Berkanun, 10 Kumpulan Wang Persekutuan dan tiga Agensi Persekutuan Lain. Seterusnya, Laporan Ketua Audit Negara mengenai pengauditan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 disediakan untuk dibentangkan di Parlimen.

6.3. Secara umumnya, Sijil Ketua Audit Negara mengandungi Pendapat Audit yang boleh dikategorikan kepada dua, iaitu Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion¹) dan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion²). Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion) diberikan apabila Ketua Audit Negara berpandangan bahawa penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama serta penyediaannya adalah selaras dengan piawaian perakaunan. Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)

¹ ISSAI 2700.16

² ISSAI 2700.17

adalah selaras dengan piawaian perakaunan. Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) pula diberikan apabila berlaku salah nyata material yang menyebabkan penyata kewangan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama. Perkara ini berlaku disebabkan penyediaan penyata kewangan tidak mengikut piawaian perakaunan atau ketiadaan dokumen sokongan yang membolehkan semakan dibuat terhadap penyata kewangan tersebut. Terdapat tiga kategori Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) yang boleh dikeluarkan, iaitu Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan dan Penafian Pendapat. Sijil Ketua Audit Negara bagi kedua-dua jenis pendapat (Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai) turut berserta dengan Perenggan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter - EOM) dan Perenggan Hal-hal Lain (Other Matters - OM), sekiranya berkaitan. Penjelasan adalah seperti dalam **Jadual 1.6**.

JADUAL 1.6
PENDAPAT AUDIT DALAM SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENDAPAT AUDIT	PENJELASAN
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	
Pendapat Tanpa Teguran	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Penyediaan penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan.
Perenggan Penegasan Perkara (EOM)	Penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama. Bagaimanapun, terdapat perkara penting berkaitan penyata kewangan yang perlu dilaporkan untuk kefahaman pengguna.
Perenggan Hal-hal Lain (OM)	Perkara lain berkaitan tatakelola dan tadbir urus yang penting.
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	
Pendapat Berteguran	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material tetapi tidak menyeluruh. Penyediaan sebahagian penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Pendapat Bertentangan	Penyata kewangan mempunyai salah nyata yang material dan menyeluruh. Penyediaan penyata kewangan tidak selaras dengan piawaian perakaunan.
Penafian Pendapat	Penyata kewangan tidak disokong dengan bukti yang mencukupi menyebabkan berlaku ketidakpastian yang material dan menyeluruh.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.4. Setakat 8 Januari 2025, kesemua 142 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan yang diterima telah selesai diaudit dan diberi Sijil Ketua Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **133 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberi Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion). Manakala sembilan penyata kewangan diberi Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)**. Pada tahun kewangan 2023, terdapat penurunan bilangan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, iaitu sejumlah 65 sijil berbanding 89 sijil pada tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 1.7** dan **Lampiran 2**.

JADUAL 1.7
JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN KEWANGAN 2023 DAN 2022

JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	TAHUN KEWANGAN	
	2023	2022
Pendapat Tanpa Teguran (Unmodified Opinion)	133	126
Tanpa Teguran	65	89
Perenggan Penegasan Perkara (EOM)	8	12

JENIS SIJIL KETUA AUDIT NEGARA	TAHUN KEWANGAN	
	2023	2022
Perenggan Hal-hal Lain (OM)	60	25
Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion)	9	18
Berteguran	8	16
Bertentangan	1	1
Penafian	-	1
JUMLAH	142	144

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2023 dan 2022

6.5. Sebanyak lapan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Perenggan Penegasan Perkara (EOM) bagi isu berkaitan usaha berterusan (going concern), kecairan tunai, ketidakupayaan sistem dan penjejasan nilai. Selain itu, 60 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Perenggan Hal-hal Lain (OM) dalam Sijil Ketua Audit Negara bagi perkara berkaitan kelemahan sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan. Perenggan ini bertujuan membolehkan Agensi Persekutuan menambah baik tatakelola pengurusan kewangan agar lebih teratur, mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan. Seterusnya tiga Penyata Kewangan Agensi Persekutuan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan kombinasi Perenggan Penegasan Perkara (EOM) dan Perenggan Hal-hal Lain (OM).

6.6. Pada tahun kewangan 2023, lapan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran. Manakala satu Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Bertentangan. Senarai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Diubahsuai dan ringkasan asas kepada pendapat adalah seperti dalam **Jadual 1.8**. Manakala penerangan terperinci berkaitan Pendapat Diubahsuai adalah seperti dalam **Lampiran 3**.

JADUAL 1.8
PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN YANG DIBERI
PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023


BIL.	PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
Pendapat Diubahsuai - Berteguran		
1.	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)	Lebih Pendapatan Selepas Cukai tahun kewangan 2023 terlebih nyata sejumlah RM108,535.
2.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Peruntukan Manfaat Kakitangan terlebih nyata sejumlah RM8.87 juta.
		Pelbagai Pemiutang terkurang nyata sejumlah RM3.33 juta.
		Kerja Dalam Kemajuan terlebih nyata sejumlah RM2.32 juta.
		Perbelanjaan susut nilai terkurang nyata sejumlah RM0.75 juta.
3.	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)	Penghutang terlebih nyata sejumlah RM2 juta.
		Peruntukan Manfaat Kakitangan terlebih nyata sejumlah RM6.56 juta.
		Hasil padi terlebih nyata sejumlah RM0.54 juta.
		Bayaran ansuran cukai terlebih nyata sejumlah RM343,182.

BIL.	PENYATA KEWANGAN AGENSI PERSEKUTUAN	ASAS KEPADA PENDAPAT
4.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (WAKAF HINDU)	Tabung Kebajikan dan Pelajaran terlebih nyata sejumlah RM0.54 juta.
5.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)	Aset-Aset Lain terlebih nyata dan Akaun Belum Terima Bagi Urus Niaga Pertukaran terkurang nyata sejumlah RM60.41 juta.
6.	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)	Geran pembangunan dibelanjakan melebihi peruntukan yang diterima menyebabkan geran berbaki debit sejumlah RM7.96 juta.
7.	Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)	Inventori terlebih nyata dan perbelanjaan terkurang nyata sejumlah RM42.18 juta.
		Kos Jualan terlebih nyata sejumlah RM8.11 juta.
8.	Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)	Perbelanjaan Kakitangan terkurang nyata sejumlah RM4.67 juta.
		Hartanah Pelaburan terkurang nyata sejumlah RM2.60 juta.
		Pinjaman Pengajian tahun terdahulu telah terkurang nyata sejumlah RM0.54 juta.
		Hutang Ragu terkurang nyata sejumlah RM334,294.
Pendapat Diubahsuai - Bertentangan		
1.	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)	Sejumlah RM392.95 juta amaun di penyata kewangan tidak dapat disahkan dengan Imbangan Duga yang dijana daripada Sistem Perakaunan SAGA Versi 8.0. Pelarasan secara manual telah dibuat di luar Sistem Perakaunan SAGA menyebabkan baki awal bagi item di Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disahkan. Item yang sepatutnya dibuat pelarasan tidak dapat dikenal pasti menyebabkan pelarasan bagi kesilapan tahun 2022 tersebut dilakukan di Kumpulan Wang Pengurusan.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2023

6.7. Sebanyak 21 perkara daripada tiga kategori isu telah dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) yang menyebabkan berlakunya terlebih atau terkurang nyata bagi penyata kewangan tahun 2023. Antara kesilapan adalah ketidakpatuhan terhadap piawai perakaunan, baki yang tidak dapat disahkan dengan dokumen sokongan serta transaksi yang tidak direkodkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1.1**.

CARTA 1.1
KATEGORI ISU YANG DILAPORKAN DALAM
PENDAPAT DIUBAHSUAI BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023



Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2023

6.8. Analisis selanjutnya mendapati satu Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tiga tahun berturut-turut bagi tempoh 2021 hingga 2023, seperti dalam **Jadual 1.9**.

JADUAL 1.9
PENDAPAT DIUBAHSUAI DIBERIKAN BAGI TEMPOH 2021 HINGGA 2023

AGENSI PERSEKUTUAN	TAHUN KEWANGAN		
	2023	2022	2021
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Berteguran dengan Perenggan Hal-hal Lain (OM)	Berteguran	Berteguran

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2023, 2022 dan 2021

Penerangan lanjut berkenaan satu Penyata Kewangan Agensi Persekutuan yang diberikan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) bagi tiga tahun berturut-turut adalah seperti berikut:

i. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [*Akta 49*]. Antara objektif utama LKIM ialah mempertingkatkan sosioekonomi nelayan dan memajukan serta memperkembangkan sektor perikanan negara.
- Isu penyata kewangan yang dilaporkan dalam Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) adalah berkaitan dengan kesilapan perekodan dan pengiktirafan item dalam penyata kewangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.10**.

JADUAL 1.10
ISU YANG DILAPORKAN TERHADAP
PENYATA KEWANGAN LKIM BAGI TAHUN 2021, 2022 DAN 2023

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN LKIM
2021 (Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak mengiktiraf aset tanah mengikut model kos. ii. Tidak mengiktiraf aset tempat letak kereta mengikut model kos. iii. Kesilapan merekodkan pembayaran cukai ke akaun Pendahuluan Kakitangan. 	Pelarasan telah dilakukan dalam Penyata Kewangan tahun 2022.
2022 (Berteguran)	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesilapan memperuntukkan hutang ragu sepenuhnya bagi amaun lebihan bayaran Availability Charges kepada syarikat konsesi walaupun kaedah pembayaran akan diselesaikan secara kontra dengan syarikat konsesi selaras dengan perjanjian tambahan. ii. Mengiktiraf aset sumbangan yang diterima pada tahun 2010 dan 2016 sebagai terimaan tahun semasa. Selain itu, aset sumbangan tersebut tidak diiktiraf mengikut nilai saksama selaras dengan perenggan 27 MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan. iii. Tidak mengiktiraf projek yang telah siap dan telah digunakan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Belanja susut nilai juga tidak diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. iv. Pengelasan Penyata Aliran Tunai di peringkat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Kumpulan tidak dinyatakan dengan tepat. 	Pelarasan telah dilakukan dalam Penyata Kewangan tahun 2023.

TAHUN/JENIS PENDAPAT	ISU PENYATA KEWANGAN	TINDAKAN LKIM
2023 (Berteguran dengan Perenggan Hal-hal Lain)	i. Peruntukan Manfaat Kakitangan terlebih nyata sejumlah RM8.87 juta. ii. Pelbagai Pemiutang terkurang nyata sejumlah RM3.33 juta. iii. Kerja Dalam Kemajuan terlebih nyata sejumlah RM2.32 juta. iv. Perbelanjaan susut nilai terkurang nyata sejumlah RM0.75 juta.	Pelarasan akan dilakukan dalam Penyata Kewangan tahun 2024.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2023, 2022 dan 2021

6.9. LKIM telah mengambil tindakan untuk membuat pelarasan terhadap isu penyata kewangan yang dibangkitkan. Bagaimanapun, kesilapan yang sama masih berulang dalam tahun berikutnya.

6.10. Bagi menambah baik penyediaan penyata kewangan, LKIM perlu memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP), memberikan latihan kepada pegawai kewangan serta memperbaharui dan menaik taraf sistem kewangan agar sejajar dengan pemakaian MPSAS. Selain itu, LKIM perlu memastikan koordinasi yang baik antara bahagian atau unit yang terlibat dalam pembangunan projek bagi menghasilkan penyata kewangan yang benar dan saksama.

6.11. Penyata Kewangan Agensi Persekutuan yang mendapat Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran atau Bertentangan perlu mempertingkatkan kawalan dalaman dan menambah baik sistem kewangan masing-masing agar isu yang dibangkitkan tidak berulang.

7. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

7.1. Seksyen 7 Akta 240 menetapkan setiap badan berkanun hendaklah dalam tempoh satu bulan selepas penerimaan penyata kewangan yang beraudit dan laporan Ketua Audit Negara mengenainya, mengemukakan kepada Menteri bersama-sama laporan aktiviti badan berkanun tersebut.

7.2. Seksyen 8 Akta 240 pula menyatakan Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh setelah menerima penyata kewangan beraudit, laporan Ketua Audit Negara mengenainya dan laporan tentang aktiviti badan berkanun, menyebabkannya dibentangkan di Parlimen.

7.3. Pada tahun 2024, sebanyak 121 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Kewangan 2020, 2021, 2022 dan 2023 telah dibentangkan di Parlimen. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.11**.

JADUAL 1.11
PENYATA KEWANGAN BERAUDIT
DIBENTANGKAN DI PARLIMEN TAHUN 2024

BIL.	PERKARA	BILANGAN PENYATA KEWANGAN
1.	Penyata Kewangan Tahun 2023	6
2.	Penyata Kewangan Tahun 2022	98
3.	Penyata Kewangan Tahun 2021	16
4.	Penyata Kewangan Tahun 2020	1
JUMLAH		121

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

7.4. Pada tahun 2024, sebanyak enam Agensi Persekutuan telah membentangkan Penyata Kewangan Tahun 2023 di Parlimen. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1.12**.

JADUAL 1.12
PENYATA KEWANGAN BERAUDIT TAHUN 2023 DIBENTANGKAN DI PARLIMEN

BIL.	AGENSI PERSEKUTUAN	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN RAKYAT	DEWAN NEGARA
1.	Bank Negara Malaysia (BNM)	09.07.2024	22.07.2024
2.	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	18.07.2024	23.07.2024
3.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	15.10.2024	03.12.2024
4.	Bank Simpanan Nasional (BSN)	22.10.2024	03.12.2024
5.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	29.10.2024	03.12.2024
6.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	05.11.2024	03.12.2024

Sumber: Laman Sesawang Parlimen Malaysia

8. SYOR AUDIT

Agensi Persekutuan hendaklah mematuhi piawai perakaunan dan peraturan kewangan bagi memastikan pelaporan penyata kewangan memberikan gambaran benar dan saksama. Perhatian serius perlu diberikan terhadap Perenggan Hal-hal Lain (OM) dalam Sijil Ketua Audit Negara berkaitan isu tatakelola seperti kelemahan Prosedur Operasi Standard (SOP), kawalan dalaman, penyelenggaraan rekod dan integrasi sistem. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan kepada pihak pengurusan Agensi Persekutuan perkara berikut:

8.1. mengemas kini SOP supaya pelaksanaan tugas dapat dibuat dengan cekap dan teratur. Selain itu, kawalan dalaman agensi perlu ditingkatkan bagi memastikan pengurusan tatakelola kewangan yang berkesan; dan

8.2. mengambil tindakan proaktif untuk menambah baik sistem kewangan sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai bagi memastikan pelaporan kewangan adalah tepat.